

# MAKLUMAT

## PESAKIT

Ubat Untuk Merawat

### Penyakit Jantung

*Agen-agen "Antiarrhythmic"*

- Sotalol*
- Flecainide Acetate*
- Propafenone*
- Amiodarone*



**Medicine To Treat: Cardiac Diseases**  
*Antiarrhythmic Agents*

## **BERKENAAN UBAT ANDA**

Doktor anda baru sahaja menetapkan agen 'antiarrhythmic' bagi anda, seperti sotalol, flecainide acetate, propafenone dan amiodarone.

## **APAKAH KEGUNAAN UBAT-UBAT TERSEBUT?**

Ubat-ubat ini adalah agen-agen 'antiarrhythmic' yang digunakan khas untuk menahan dan mengelakkan kejadian berulang degupan jantung yang tidak normal.

## **BAGAIMANAKAH HARUS SAYA MENGAMBIL UBAT INI?**

Makanlah ubat ini dengan meminum air. Ikutilah arahan pada labelnya. Ambil dos anda pada masa yang tetap. Selalu ambil ubat samada sebelum atau sesudah waktu makan.

## **APAKAH YANG HARUS SAYA LAKUKAN SEKIRANYA SAYA TERTINGGAL SATU DOS?**

Pastikan jangan terlupa mana-mana dos. Sekiranya anda tertinggal satu dos, maka ambillah ubat itu dalam masa 4 jam, 6 jam dan 12 jam sekiranya jadual waktu dos anda adalah tiga kali, dua kali dan sekali sehari. Sekiranya selangmasa antara dos masing-masing ialah selepas 4 jam, 8 jam dan 12 jam, jangan lah makan dos tersebut. Anda cuma perlu meneruskan pengambilan ubat ini pada selangmasa dos yang berikutan pada masa yang sama.

## **APAKAH KESAN-KESAN SAMPINGAN UBAT INI?**

Walaupun jarang berlaku, kumpulan ubat ini mungkin memburukkan lagi keadaan degupan jantung yang luarbiasa yang sedang dialami ataupun menyebabkan jenis degupan jantung luarbiasa yang lain. Ini termasuk jenis yang mungkin membawa maut. Anda mungkin mengalami degupan jantung yang amat perlahan, pening kepala yang teruk atau pengsan.

***Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak***

<b>Ubat</b>	<b>Kesan sampingan yang mungkin timbul</b>
Sotalol	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Lesu, pitam, rasa loya, muntah-muntah dan sesak nafas</li> <li>• Gangguan pada sistem kencing</li> <li>• Hubungan kelamin terjejas</li> <li>• Sakit tulang belakang, ruam, pendarahan dan terjejasnya daya penglihatan</li> </ul>
Flecainide acetate	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pitam, pening kepala, lemah</li> <li>• Terjejasnya daya penglihatan</li> <li>• Rasa loya</li> <li>• Ruam</li> <li>• Sesak nafas</li> </ul>
Propafenone	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sakit perut, cirit birit, sakit di bahagian usus perut, rasa loya dan muntah-muntah.</li> <li>• Pertukaran pada deria perisa</li> <li>• Pening kepala, pitam, rasa letih, pengsan</li> <li>• Mulut kekeringan</li> <li>• Penglihatan yang kabur</li> <li>• Sakit dada, sesak nafas</li> </ul>
Amiodarone	<p>Amiodarone menimbulkan banyak kesan sampingan sistemik (pada tubuh) maka adalah perlu mengikuti temujanji dengan doktor anda.</p> <p>Amiodarone mungkin merencat fungsi paru-paru. Gejala-gejala yang awal adalah seperti sesak nafas ketika penekanan yang berlebihan, batuk yang kering, demam, sakit dada, lesu dan lemah.</p> <p>Amiodarone mungkin merencat fungsi hati. Gejala-gejala awal mungkin timbul seperti rasa loya, muntah, sakit di bahagian abdomen, hilang berat badan, jaundice (penyakit kuning), bengkak di bahagian abdomen.</p> <p>Amiodarone mungkin merencat fungsi tiroid. Bagi mereka yang mengalami peningkatan fungsi tiroid, gejala-gejala awal yang mungkin dialami adalah seperti kehilangan berat badan, rasa resah yang tidak menentu, menggeletar dan hilang toleransi terhadap bahang panas. Bagi mereka yang mengalami pengurangan fungsi tiroid, gejala-gejala awal termasuk hilang toleransi terhadap dingin sejuk, lesu dan degupan jantung yang perlahan.</p>

*Sila beritahu doktor anda secepat mungkin sekiranya anda mendapati kesan sampingan tersebut.*

***Buang kesemua ubat yang telah lama atau tidak diperlukan lagi***

## **APAKAH LANGKAH BERJAGA-JAGA YANG HARUS DIAMBIL?**

Terdapat beberapa jenis ubat yang bertindakbalas dengan kumpulan ubat jenis ini. Maka adalah tidak digalakkan pengambilan ubat ini bersama dengan ubat tradisional. Jika anda berjumpa dengan doktor selain dari doktor anda, anda perlu beritahu doktor berkenaan yang anda sedang dalam rawatan dengan ubat ini. Pada masa kini tidak terdapat cukup maklumat tentang penggunaan ubat ini untuk wanita yang sedang hamil dan oleh itu ubat ini hanya boleh digunakan semasa hamil sekiranya penggunaanya yang nyata diperlukan.

Ubat ini disalurkan pada susu ibu. Oleh kerana ia berupaya memberi kesan sampingan yang amat buruk terhadap bayi yang menyusu maka penyusuan tidak boleh diteruskan semasa megambil ubat ini.

## **BAGAIMANAKAH SAYA HARUS MENYIMPAN UBAT INI?**

Anda harus menyimpannya dalam bekas yang terap udara dan disimpan di tempat yang dingin dan kering.